

APAKAH YANG PERLU ANDA TAHU TENTANG



PERTUMBUHAN REMAJA LELAKI

Apakah perubahan yang berlaku pada badan lelaki ketika remaja?

Remaja lelaki akan mengalami perubahan luaran dan dalaman apabila mencecah akil baligh. Ini biasanya berlaku pada umur 15 tahun. Perubahan ini berlaku apabila kelenjar endokrin mengeluarkan hormon.

Perubahan fizikal yang dialami oleh remaja lelaki ialah:

- Ketinggian bertambah
- Suara menjadi garau
- Bahu dan dada membesar
- Bulu mula tumbuh di ketiak dan kemaluan
- Zakar dan buah zakar membesar
- Berjerawat di bahagian muka
- Misai dan janggut mula tumbuh

Perubahan dalaman yang berlaku ialah:

Jutaan sel sperma dihasilkan di dalam testis. Sel-sel sperma tidak boleh disimpan selamanya dan sel-sel sperma yang baru akan dihasilkan secara berterusan. Sperma-sperma ini akan menuju ke vas deferens, seterusnya bergabung dengan cecair lain di vesikal seminal dan kelenjar prostat untuk membentuk air mani. Air mani akan dipancutkan melalui zakar apabila seseorang mencapai seksual klimaks (orgasma).

Apakah itu mimpi basah dan mengapa ia berlaku?

Mimpi basah berlaku apabila remaja lelaki memancut keluar air mani semasa tidur. Ini berlaku apabila buah zakar mempunyai simpanan sperma yang berlebihan, lalu terpancut tanpa disedari semasa tidur. Adakala mimpi basah berlaku apabila seseorang itu terangsang pada waktu siang dan kemudiannya bermimpi tentang seks pada waktu malam. Remaja lelaki yang mengalaminya pada kali pertama mungkin berasa malu atau gelisah tetapi ianya adalah normal semasa pertumbuhan remaja lelaki.

APAKAH YANG PERLU ANDA TAHU TENTANG



PERTUMBUHAN REMAJA LELAKI


Apakah itu onani?

Onani merupakan cara untuk melegakan kehendak seks dengan merangsang zakar menggunakan tangan sehingga mencapai klimaks dan ejakulasi tanpa melakukan persetubuhan. Buah zakar mungkin terasa tegang (penuh) apabila sperma-sperma terkumpul atau apabila seseorang itu merasa terangsang. Ini boleh dilegakan dengan melakukan onani. Seseorang remaja tidak akan mengalami kesan buruk dari segi fizikal dan mental jika melakukan onani.

Bagaimana dengan emosi?

Hormon yang dikeluarkan semasa akil baligh akan menyebabkan berlakunya perubahan psikologi dan emosi. Perubahan emosi semasa akil baligh akan berubah mengikut kemajangan seseorang remaja. Semua perubahan yang berlaku merupakan perkara biasa ketika pertumbuhan. Remaja perlu menyedari akan perubahan ini dan bersedia untuk menghadapinya.

Sekiranya terdapat apa-apa keraguan mengenai pertumbuhan remaja lelaki, jangan ragu-ragu untuk bertanya kepada kami.



Persekutuan Persatuan-Persatuan Kesihatan Reprouktif, Malaysia
(Ahli Kepada International Planned Parenthood Federation)
81-B, Jalan SS15/5A, 47500 Subang Jaya, Selangor
Tel : 03 5633 7514/16/28 Fax: 03 5634 6638
Email : frham@frham.org.my Website :www.frham.org.my

